

# Mereka bawa pulang oleh2 dari Pesta Silat ASEAN

22 MAR 1975

SERAMAI enam orang anggota Silat Harimau Singapura, yang mengadakan pertunjukan di Kuala Lumpur baru-baru ini telah membawa pulang oleh-oleh sebuah perisai dan piala.

Perisai dan piala itu dihadiahkan kepada pasukan tersebut, kerana memakai pakaian yang menarik, da-

lam Pesta Silat ASEAN dan pertandingan Silat Kebangsaan yang diadakan di Stadium Negara, dari 2 hingga 4 Mac lalu.

## Pertunjukan

Turut menunjukkan seni silatnya jalah negara-negara dari Indonesia, Thailand dan Filipina, yang dianjurkan oleh Persatuan Silat Lincah Malaysia.

Rombongan dari Singapura, diketuai oleh Encik

Sulaiman Ismail, guru silat kumpulan tersebut, Encik Husni Ahmad dan empat orang anggota Abdul Fakir Husni, Kassim Ahmad, Isnin Ahmad dan Rafee Hitam.

Mereka telah menunjukkan tiga jenis silat iaitu Silat Pukulan (permainan tangan), Silat Keris dan Silat Kebathinan.

Setelah mengadakan pertunjukan di Kuala Lumpur, kumpulan itu juga telah mengadakan pertunjukan di Pulau Pinang dan Sarawak sebelum pulang ke sini kemarin.

● PASUKAN Silat Harimau Singapura bergambar di Stesyen Keretapi, Tanjong Pagar dari kiri ialah Ismail, Fakir, Encik Husni Ahmad dan Isnin.

## Pertunjukan

### Silat PBS

SEKSI Silat Persatuan Bawean Singapura (PBS) akan mengadakan pertunjukan silat pada 4 Mei ini, antara 9.00 pagi dengan 5.00 petang, di tempat meletak kereta, Blok 65, Lorong 5 Toa Payoh.

Ahli-ahli jawatankuasa seni mempertahankan diri dari Majlis Sukan Singapura yang belum atau tidak menerima undangan juga dipersilakan hadir.